



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH
MERANGKAP AHLI PARLIMEN BERA**

SEMPENA

MAJLIS PELANCARAN PROGRAM TUISYEN RAKYAT@KKLW 2017

**ANJURAN YAYASAN PELAJARAN MARA *DENGAN KERJASAMA*
PERGERAKAN PUTERI UMNO MALAYSIA *DAN*
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH JERANTUT**

SMK PADANG SAUJANA, JERANTUT, PAHANG

**22 JULAI 2017, SABTU
WAKTU KETIBAAN : 10.00 PAGI**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Tuan / Puan Pengacara Majlis.

SALUTASI

Assalamualaikum wbt., Salam Sejahtera Dan Salam Negaraku Malaysia

Yang Berhormat Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan Puan-Puan dan para pelajar sekalian,

1. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran, kerana kita semua dapat berkumpul pada petang ini, bagi meraikan, Majlis Pelancaran Program Tuisyen Rakyat@KKLW Tahun 2017, Peringkat Parlimen Jerantut.

2. Di kesempatan ini, saya juga ingin mengambil peluang, merakamkan ucapan penghargaan dan setinggi-tinggi tahniah, kepada jawatankuasa pelaksana yang diterajui oleh Yayasan Pelajaran MARA, dengan kerjasama Pergerakan Puteri UMNO Malaysia, khususnya Bahagian Jerantut, dan Pejabat Pendidikan Daerah Jerantut, dalam melaksanakan program ini. Pelancaran majlis ini menandakan wujudnya jalinan kerjasama yang mencerminkan kesepakatan dan komitmen semua pihak dalam memastikan anak-anak bangsa kita menerima manfaat secara menyeluruh dalam usaha membantu dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat luar bandar dan wilayah.

OBJEKTIF TUISYEN RAKYAT @ KKLW

3. Suka saya berkongsi sedikit maklumat, mengenai program Tuisyen Rakyat@KKLW ini. Program tuisyen ini merupakan kemudahan kelas bimbingan tambahan yang diberikan secara percuma kepada pelajar-pelajar calon SPM & UPSR daripada keluarga berpendapatan rendah khususnya di luar bandar. Objektifnya adalah untuk meningkatkan tahap penguasaan mata pelajaran teras dan pencapaian akademik, sebagai pemangkin kecemerlangan modal insan. Berkonsepkan kelas tuisyen secara berpusat, ianya dilaksanakan di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM), atau sekolah-sekolah terpilih sebagai tuan rumah dengan setiap pusat tersebut akan disertai oleh 100 orang pelajar.

4. Pelaksanaannya adalah berkonsepkan *Corporate Sosial Responsibility* (CSR) oleh agensi-agensi di bawah KKLW sebagai agen pelaksana. Saya sangat berbesar hati kerana semua agensi-agensi di bawah KKLW amat menyambut baik program ini dan turut sama melaksanakan program tuisyen ini. Suka saya nyatakan di sini, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua agensi-agensi yang terlibat.

5. Seperti pada hari ini, SMK Padang Saujana telah dipilih sebagai pusat tuisyen yang melaksanakan tuisyen secara percuma di bawah pelaksanaan Yayasan Pelajaran MARA, dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah Jerantut. Untuk makluman, bagi tahun 2017 Puteri UMNO Bahagian telah dilantik sebagai penyelaras bersama di setiap pusat terpilih bagi memastikan program ini dapat dilaksanakan dengan lebih lancar lagi.

PELAKSANAAN TUISYEN RAKYAT @ KKLW

6. YPM juga merupakan agensi yang sangat aktif dan berpengalaman dalam melaksanakan program tuisyennya. Apa yang beza adalah YPM melaksanakan tuisyen sebanyak 10 pertemuan dengan memperkasakan 3 komponen iaitu; 1) teknik belajar yang betul dan berkesan; 2) mengulangkaji pelajaran; 3) teknik menjawab soalan. 3 komponen ini disusun bagi memastikan pelajar mendapat bimbingan yang berkesan dan memanfaatkan program tuisyen ini pada tahap maksimum.

7. Pada tahun 2016, YPM telah melaksanakan Tuisyen Rakyat@KKLW di 152 buah pusat melibatkan seramai 12,939 orang pelajar terdiri dari 49 pusat tuisyen SPM dan 103 pusat Tuisyen UPSR dengan melibatkan jumlah keseluruhan peruntukan sebanyak RM3,455,000.

8. Secara keseluruhannya, keputusan SPM 2016 yang lalu, seramai 5 orang memperolehi 11A, 16 orang 10A, 96 orang 9A, 110 orang 8A, 165 orang 7A dan seramai 260 orang memperolehi keputusan 6A. Manakala bagi keputusan UPSR pula, seramai 112 orang memperolehi 6A, 233 orang 5A dan seramai 312 orang memperolehi 4A.

9. Bagi pelaksanaan Tuisyen Rakyat @ KKLW di negeri Pahang sahaja pada tahun 2016, seramai 400 pelajar SPM dan 917 pelajar UPSR telah menerima manfaat. Bagi keputusan UPSR 2016, seramai 13 orang memperolehi 6A, 16 orang 5A dan seramai 22 orang memperolehi 4A. Manakala bagi SPM pula, seorang pelajar memperolehi keputusan 10A, 11 orang 9A, 10 orang 8A, 11 orang 7A dan seramai 21 orang memperolehi keputusan 6A.

10. Bagi tahun 2017 pula, KKLW mensasarkan sebanyak 400 pusat tuisyen dengan penglibatan seramai 30,000 orang pelajar di seluruh Malaysia, hasil kerjasama agensi-agensi di bawah KKLW. Untuk tahun 2017, YPM telah mensasarkan pelaksanaan program Tuisyen Rakyat @ KKLW, di 162 pusat seluruh negara, terdiri dari 148 pusat SPM dan 14 pusat UPSR, dengan melibatkan seramai 16,200 pelajar di seluruh negara.

11. Selain agensi pelaksana memantau program tuisyen ini, pemantauan dari semasa ke semasa juga akan dilaksanakan oleh pihak KKLW secara rawak dalam memastikan program dilaksanakan dengan lancar dan tersusun. Di akhir program ini

juga nanti, kaji selidik keberkesanan program akan dilaksanakan hasil maklum balas daripada pelajar dan guru untuk dianalisis bagi tujuan penambahbaikan di masa akan datang.

12. Bagi program yang berlangsung ini, kesepaduan kolaboratif akrab yang terjalin antara YPM, Puteri, PPD, sekolah, guru pakar, guru penyelararas, pelajar, dan ibu bapa telah direalisasikan demi menyahut aspirasi dan impian para pelajar, keluarga dan sekolah untuk mencipta kecemerlangan.

13. Saya berharap, majlis pada hari ini tidak dilihat sebagai suatu upacara dan keraian semata-mata. Lebih dari itu, acara pada petang ini, merupakan suatu simbolik yang menunjukkan kejayaan semua pihak, terutamanya Kerajaan dalam melahirkan anak bangsa yang berkualiti.

14. Tetapi harus diingat sebenarnya kejayaan seseorang pelajar tidak hanya terletak pada usaha dan kesungguhan yang dimainkan oleh agensi-agensi seperti KKLW, YPM atau guru semata-mata. Anak-anak pelajar harus sedar bahawa guru-guru tugasnya adalah 'memberi', manakala pelajar pula haruslah bersedia untuk 'menerima'. Yang paling utama, kejayaan adalah terletak pada diri para pelajar itu sendiri agar sentiasa mempunyai komitmen dan motivasi diri yang tinggi sekiranya ingin mengecapi kecemerlangan.

PENUTUP

15. Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah kepada YPM dan Puteri UMNO Bahagian Jerantut sebagai penyelararas bersama Program Tuisyen Rakyat@KKLW, Pejabat Pendidikan Daerah Jerantut yang sudi menerima pelawaan YPM sebagai rakan pendidikan yang menurunkan guru-guru pakarnya.

16. Tidak lupa juga, Pengetua SMK Padang Saujana yang berbesar hati membenarkan kita menggunakan sekolah ini sebagai pusat kepada Tuisyen Rakyat @ KKLW, sekolah-sekolah sekitar yang menghantar pelajar-pelajar mereka mengikuti tuisyen di sini serta barisan guru-guru pakar yang sangat komited. Seterusnya kepada ibu bapa dan para pelajar yang dikasihi sekalian, manfaatkanlah peluang yang diberikan ini sebaik-baiknya. Inilah masanya para pelajar dapat bersama-sama guru pakar dan janganlah segan dan silu untuk bertanyakan perkara-perkara yang tidak difahami. Jika di luar, tuisyen sebegini memerlukan kos yang perlu dibayar. Maka, janganlah mensia-siakan peluang di depan mata.

Akhir kata daripada saya,

Terbang Selisih Si Burung Kedidi
Terbang Berduyun Di Waktu Pagi
Terima Kasih Daun Keladi
Di Lain Tahun Insya-Allah Berjumpa Lagi

Maka dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, dengan sukacitanya saya merasmikan Program Tuisyen Rakyat@KKLW 2017 Peringkat Parlimen Jerantut.
Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah, Wasalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.